

Headline	Mercu Mustapha Kama! bernilai RM385 juta
MediaTitle	Harian Metro
Date	19 Sep 2015
Section	Bisnes
Page No	65
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Mercu Mustapha Kamal bernilai RM385 juta

Kebanyakan Emkay Group memperkenalkan Mercu Mustapha Kamal iaitu kompleks pejabat terbaru bagi portfolio pelaburannya dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM385 juta.

Terletak di Neo Damansara, Damansara Perdana, bangunan Mercu Mustapha Kamal merangkumi dua menara pejabat dengan keseluruhan lantainya berkeluasan 468,267 kaki persegi dan dijangka siap sepenuhnya menjelang Oktober 2016.

Ketua Pegawai Operasi, Kewangan, Korporat dan Strategi Emkay Group, Jayasangan Dhanapal berkata, projek itu menerima permintaan yang menggalakkan daripada syarikat awam dan multinasional.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan kadar pembelian semasa bagi projek berkenaan.

Mengulas lebih bekalan ruang pejabat di Kuala Lumpur yang mencetuskan kebimbangan, Jayasangan berkata, masalah itu tidak berlaku di Damansara Perdana yang sebaliknya menikmati kadar pembelian yang tinggi.

"Kebanyakan menara pejabat korporat di Damansara Perdana sudah mencecah kadar dihuni sebanyak 90 peratus. Kami yakin menerusi strategi dan pemasaran yang berkesan, bangunan keempat ini akan menerima permintaan tinggi," katanya. - BERNAMA